

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN WISMA BINTARA KALI KE-24 DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4343-mesyuarat-agung-tahunan-wisma-bintara-kali-ke-24-di-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 9 Jan 19 – Mesyuarat Agung Tahunan Wisma Bintara Pu Gong Kedak kali ke-24 bagi tahun 2019 telah berlangsung di Dewan Wisma Bintara PU Gong Kedak yang telah dirasmikan oleh Komander Pangkalan, Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee @ Ahmad Rofie TUDM. Majlis dimulakan dengan penyampaian sijil kepada 21 anggota P/Sjn U siri 24/18 dan cenderahati kepada AJK Berkebolehan & Keterampilan iaitu Fsjn Mohd Azrul bin Sahak serta AJK Terbaik Keseluruhan sesi 2018 iaitu Pw U I Mohd Shah bin Hasan.

Tujuan utama diadakan Mesyuarat Agung Tahunan ini adalah bagi melantik barisan Ahli Jawatankuasa yang baharu serta membincangkan perkara-perkara berbangkit dan usul-usul serta cadangan yang baharu bagi menambahbaik pengurusan dan manfaat kepada ahli-ahli Wisma. Perlantikan Yang Dipertua Wisma Bintara yang baru bagi sesi 2019 ialah Pw U I Muhsin Khairul Azmi bin Ali dari Cawang Materiel. Tahniah diucapkan semoga beliau menjalankan tugas yang diamanahkan dengan cemerlang serta lebih efisen dan saksama.

Turut hadir sama adalah Pegawai Penjaga Wisma Bintara, Mej Mohd Rizal bin Abd Malek TUDM, Pegawai Penjaga Akaun, Kapt Mohd Azmirul bin Mohd Nadir TUDM, Pegawai Waran Pangkalan, Pw U I Mohd Hisham bin Sudin (Presiden Mess Committee), Pw U I Ramli bin Omar (Chairman Mess Committee 2018) serta Ahli-ahli Wisma Bintara.



